

DOA KESYUKURAN SEMPENA 70 TAHUN PENUBUHAN PPPBD

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

ANGGEREK DESA, Rabu, 1 Februari. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) kini mencapai 70 tahun usia penubuhannya sejak ditubuhkan pada tahun 1951.

Bagi memanjatkan kesyukuran sempena 70 usia penubuhannya, PPPBD mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah berlangsung di Ibu Pejabat PPPBD, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Naib-naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji Idris dan Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali, Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsah binti Haji Abdul Halim dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD,

Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali.

Majlis diisikan dengan bacaan Ratib Al-Attas dan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Pemimpin-pemimpin Muda Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Bacaan Doa Kesyukuran sempena Sambutan 70 Tahun Usia PPPBD dibacakan oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani yang turut mengimamkan Sembahyang Fardu Asar.

PPPBD ditubuhkan pada tahun 1951 di Kuala Belait dan Perlembagaan PPPBD telah diluluskan oleh Ibu Pejabat Imperial Pandu Puteri (Office of the Imperial Headquarters of the Girl Guides Association) di London

pada 1 Februari 1951.

Pada tahun 1951 ini juga, Persatuan Tempatan (Kuala Belait Local Association) telah didaftarkan di Kuala Belait.

Sehingga kini, jumlah keahlian PPPBD adalah sekitar 900 ahli yang terdiri dari Pemimpin Dewasa, Pemimpin Muda, Pandu Puteri Ranjer, Pandu Puteri dan Pandu Puteri Tunas dari keempat-empat daerah iaitu Belait, Tutong, Brunei dan Muara dan Temburong.

Setiap peringkat keahlian PPPBD amat aktif terlibat dalam kegiatan-kegiatan kenegaraan, kemasyarakatan, keagamaan dan seni kreatif.

Ahli-ahli turut tidak ketinggalan berpeluang mewakili negara dalam kegiatan-kegiatan kepanduan dan persidangan-persidangan pada peringkat serantau serta antarabangsa.



PERSATUAN Pandu Puteri Brunei Darussalam mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah sempena 70 tahun penubuhannya (atas dan kanan).

